

**MAJLIS PERJUMPAAN KHAS BERSAMA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL NEGERI MELAKA**
22/01/2013

DEWAN MITC AYER KEROH, MELAKA

Bismillahirrahmanirahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'iin
Assalammualaikum WBT

YAB Datuk Seri Hj Mohd Ali bin Mohd Rustam
Ketua Menteri Melaka

YB Ahli –ahli EXCO Kerajaan Negeri Melaka

YB Datuk Wira Omar bin Kaseh
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua-ketua Jabatan,

Seluruh anggota Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan di Negeri Melaka

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat bersama-sama hadirin dan hadirat di majlis petang ini.

2. Terima kasih kerana menghadiri majlis, dan saya gembira kerana dapat berkongsi harapan mengenai penjawat awam, serta mendengar pandangan serta maklumbalas dari pihak tuan-tuan dan puan-puan juga.

3. Kemajuan Malaysia semenjak 55 tahun kemerdekaan adalah gandingan mantap dan persefahaman antara pemimpin dan penjawat-penjawat awam.

4. Hasilnya dari negara yang hanya bergantung kepada getah dan bijih timah, kini menjadi negara yang mempunyai kepelbagaian bidang ekonomi dan industri, terutamanya perindustrian, pengilangan dan perkhidmatan.

5. Dasar dan visi kerajaan untuk meningkatkan kemajuan ekonomi, telah beri manfaat besar kepada kesejahteraan rakyat, dan dalilnya:

i. Peratus kemiskinan telah dapat diturunkan. Contoh; hari ini 3%. Manakala, tahun 2009 (3.9%); 2002 (5.1%); 1970an (49 %)

ii. Kenaikan pendapatan Negara (GNI) per kapita Negara juga meningkat. Contoh: US\$9,700 (tahun 2011); US\$6,700 (2009); US\$2,370 (tahun 1990); US\$1,820 (tahun 1980)

5. Pencapaian dalam pembangunan ekonomi terhasil dari pelbagai rancangan-rancangan ekonomi yang digubal/dilaksana bersama oleh pemimpin dan penjawat-penjawat awam.

6. Visi Malaysia maju menjelang tahun 2020 hanya akan berjaya tercapai dengan sokongan dan

dokongan dari warga penjawat awam.

7. Bagi memastikan Negara sentiasa kompetitif dan berdaya saing, lebih lagi dalam suasana globalisasi masakini, usaha mengukuhkan persekitaran yang kondusif adalah penting. Oleh itu, pelbagai pelan dan inisiatif dijana merangkumi pembangunan infrastruktur, penyediaan insentif, dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Keboleh-upaya sektor kerajaan melaksana dasar serta semua inisiatif ini dapat dilihat dari senarai pencapaian utama antaranya:

(i) Jumlah hasil pendapatan negara meningkat ke paras tertinggi, hampir RM125 bilion (tahun 2012).

(ii) Pertumbuhan ekonomi yang konsisten 2012, dan unjuran 2013 iaitu 4.5-5.5% (dimana keadaan ekonomi global mencabar).

(iii) Jumlah perdagangan Malaysia yang kian meningkat, dalam keadaan mencabar. Contoh: Januari-Oktober 2012, jumlah perdagangan melepasi RM1.0 trillion, iaitu RM1.096 trilion meningkat 4% dari tahun Januari-Oktober 2011.

(iv) Jumlah pelaburan Negara meningkat. Contoh dari tahun 2011-Jun 2012, jumlah pelaburan adalah RM242 bilion dengan peluang pekerjaan 225,308.

8. Bagi terus laksana perubahan dan menggandakan pertumbuhan ekonomi, pelaksanaan Agenda Transformasi Negara. YAB Perdana Menteri menggariskan keperluan semua pihak memberi tumpuan dan bekerjasama menjayakan agenda ini. Laporan kemajuan ETP sehingga November 2012 telah menghasilkan 152 projek (EPP), pelaburan RM210 bilion dan dijangka menjana hampir 411,000 peluang pekerjaan.

9. ETP dibantu dan disokong (complement) oleh program transformasi Kerajaan (NKRA) yang menjurus kepada pembangunan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Secara tidak langsung, usaha ini membolehkan rakyat terus produktif dalam membantu menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negara.

10. Pencapaian prestasi ekonomi yang turut memberangsangkan di negeri Melaka hari ini juga dinikmati hasil peranan berkesan dan kegigihan penjawat awam negeri. Kegigihan ini diterjemah kepada:

i) Peningkatan KDNK negeri dari RM9.5 bilion (tahun 2000) kepada RM17.1 bilion (tahun 2012) meningkat 80%.

ii) Kenaikan Pendapatan Per Kapita negeri dari RM9,492 (tahun 2000) kepada RM26,866 (tahun 2012), meningkat sebanyak 183%.

iii) Pertumbuhan pendapatan isirumah iaitu 10.6 % kepada RM4,184 (tahun 2009) dari RM3,421 (tahun 2007), mengatasi purata nasional (4.5%). Ianya ketiga tertinggi, dan salah 1 dari 3 negeri 'double digit growth' selepas Putrajaya (12.9%) dan Terengganu (10.7%).

11. Pencapaian ekonomi ini, mengukuhkan keyakinan usahawan dan pelabur asing untuk membuka dan mengembangkan operasi di Melaka. Berbanding dahulu, hari ini kita lihat pelbagai syarikat gergasi dunia ada di Melaka antaranya Konica Minolta Glass Tech (M) Sdn Bhd, CSC Steel Holding Sdn Bhd, AUO Sunpower Sdn Bhd, dan Infineon Technologies (M) Sdn Bhd. yang mempunyai jumlah pelaburan RM 9.68 bilion dan menyediakan perkerjaan sebanyak 11,851.

12. Juga mengikut MIDA, bagi tempoh Dari tahun 2008-Oktober 2012, 140 bilangan projek telah berjaya diluluskan dengan jumlah pelaburan masuk ke negeri ini adalah RM11 billion. Peratusan pelaburan tempatan adalah sebanyak 28.3% dan asing adalah 71.7%. Jumlah pekerjaan yang dijana bagi tempoh 5 tahun ini adalah 22,486.

13. Disamping itu, peranan penjawat awam negeri yang berkesan dalam membangunkan perancangan dan pelaksanaan program pelancongan yang bertemakan “Visit Historical Melaka Means Visit Malaysia”, yang mengutarakan lebih dari 20 tempat bersejarah dan tumpuan pelancong, telah menjana pendapatan yang amat baik bagi negeri Melaka. Ini dicerminkan:

i) Peningkatan kedatangan pelancong ke Melaka dari 2.2 juta orang (tahun 2000) kepada 12.5 juta orang (tahun 2012), meningkat hampir 470%.

ii) Peningkatan pendapatan dari pelancongan dari RM1.14 bilion (tahun 2000) kepada RM7.9 bilion (tahun 2012), meningkat 590%.

14. Perkembangan industri pelancongan ini adalah baik kerana limpahan ekonomi yang dapat meningkatkan peluang pendapatan dan pekerjaan di negeri Melaka.

15. Sasaran Kerajaan negeri Melaka untuk membangunkan sektor teknologi hijau akan terus membawa manfaat besar kepada seluruh rakyat Melaka. Hasil visi pemimpin dan penjawat awam mengenalpasti Pembangunan Lembah Solar Dunia di Rembia (Melaka World Solar Valley); dan Bandar Hijau Hang Tuah Jaya yang melibat jumlah keluasan hampir 10,000 ekar, akan menyumbang hampir RM3 bilion pendapatan negara kasar dan ini adalah satu perancangan berwawasan jauh oleh penjawat awam di negeri ini.

16. Sehubungan itu, Kerajaan negeri dan Persekutuan perlu terus bekerjasama dan berperanan sebagai pemudah cara, dan memperkukuhkan persekitaran yang kondusif agar membantu untuk terus memacu lagi ekonomi kedua-dua negeri dan Persekutuan.

17. Sehubungan ini, Kerajaan telah mewujudkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka sebagai satu inisiatif Kerajaan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti Bandar di dalam satu pusat sehenti atau di dalam satu bangunan.

18. UTC, merupakan sebahagian dari Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy), di Melaka ini menempatkan 72 organisasi melibatkan agensi kerajaan, swasta serta NGO menyediakan 10 kluster antaranya:

- Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat;
- Perkhidmatan Pendidikan, Latihan dan Pekerjaan;

- Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan dan Keusahawanan;
- Perkhidmatan Kesihatan;
- Perkhidmatan Kewangan;
- Perkhidmatan Kerajaan;
- Perkhidmatan Pembangunan Belia;
- Perkhidmatan NGO;
- Perkhidmatan Utiliti;
- Perkhidmatan Keselamatan.

19. Berkaitan dengan ini juga, adalah diakui bahawa penjawat awam di negeri Melaka, adalah antara penjawat awam negeri yang mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran negeri dan berkesan. Ini adalah antara faktor utama dimana Kerajaan peringkat Persekutuan sentiasa menyokong pembangunan dinegeri Melaka.

20. Dalilnya, Kerajaan Persekutuan telah komited melaksana sejumlah 219 projek di Melaka dalam Rancangan Malaysia ke-10, dengan siling RM1.94 bilion. Projek-projek ini meliputi antaranya 123 buah sekolah, 10 buah kelinik kesihatan, 7 batang jalan raya, 7 buah jeti, 6 tebatan banjir, dan 20 infrastruktur sukan.

21. Semenjak tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 5,000 projek pembangunan luar bandar di Melaka meliputi projek jalan perhubungan desa, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan lampu jalan telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM414.8 juta.

22. Bagi terus menggalak dan menyokong perkembangan roh islam dalam masyarakat, dan penerapan ilmu agama di negeri ini, Kerajaan Persekutuan memberi tumpuan utama kepada penambahbaikan dan pembinaan baru surau dan masjid di Melaka. Dari tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM63.12 juta bagi membina 17 masjid/surau baru, dan naik taraf/baikpulih sebanyak 189 buah masjid/surau, manakala 32 projek infrastruktur awam melibatkan masjid dan surau telah di laksanakan.

23. Seajar ini, peranan dan komitmen penjawat awam memudahkan pelbagai urusan penyampaian perkhidmatan seperti melaksana pembaharuan bersifat transformational, khususnya kepada cara-cara proses kerja lama (outdated), akan memberi manfaat yang berganda kepada organisasi dan rakyat.

24. Kerajaan turut menghargai anggota penjawat awam beruniform yang menjaga keselamatan dan ketenteraman rakyat. Tanpa ketenteraman dan keamanan yang kita rasai hari ini, segala dasar yang dirancang tidak akan dapat diterjemahkan dengan sempurna. Setinggi terima kasih, dan penghargaan.

25. Saya juga mengambil kesempatan dan berharap perkhidmatan awam negeri dan Persekutuan membantu menerangkan isu-isu dan perkara sebenar yang dilaksanakan Kerajaan negeri dan Persekutuan, agar rakyat dapat menilai keupayaan dan keikhlasan Kerajaan BN melaksana tanggung jawab demi kesejahteraan rakyat dan kejayaan masa depan negara tercinta ini.

26. Saya berharap semua penjawat awam terus berusaha dengan gigih dan bersikap professional,

bagi menjayakan pelaksanaan setiap dasar dan inisiatif yang digubal.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum wbt.